

## **Pandangan Mazhab Shafi'i dalam Permasalahan Pemakanan: Analisis Terhadap Haiwan-haiwan yang Tiada Nas Khusus**

SITI HALIMAH BINTI PUTUNG

*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa  
Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan  
Jalan Sungai Pagar, 87000 W.P. Labuan*

ct\_ha5h@ums.edu.my

**Abstrak** Makalah ini menganalisis pandangan mazhab Shafi'i dalam menentukan hukum haiwan-haiwan yang tidak mempunyai nas yang khusus. Kajian ini bertujuan mengenal pasti kaedah penentuan halal dan haram haiwan-haiwan yang tiada nas dalam mazhab Shafi'i. Kajian turut mengidentifikasi ciri-ciri haiwan yang diharamkan berdasarkan pandangan mazhab Shafi'i. Kajian kepustakaan sepenuhnya digunakan bagi meneliti dan menganalisis teori-teori ulama Shafi'iyyah yang berkaitan. Hasil kajian menemukan kaedah penentuan halal dan haram haiwan dalam mazhab Shafi'i dan beberapa ciri haiwan yang diharamkan berdasarkan kaedah-kaedah tertentu. Dapatan kajian seterusnya menunjukkan aspek *tayyibat* (baik dan elok) dan *khabith* (kotor dan jijik) dijadikan asas dan pertimbangan ulama Shafi'i dalam menentukan hukum haiwan-haiwan yang tiada nas khusus mahupun nas umum. Hasil kajian membolehkan haiwan-haiwan yang haram dimakan dapat diidentifikasi dengan lebih mudah dan praktikal.

**Kata Kunci:** Mazhab Shafi'i, *tayyibat*, *khabith*, haiwan tiada nas, haiwan haram.

**Abstract** This paper analyzes the views of the sect of Shafi'i in determining the commandment of animal without nass. This study aims to identify the method of determining lawful and unlawful animals according to the sect of Shafi'i. It also aims to classify the characteristics of prohibited animals in views of the sect of Shafi'i. A full literature study was applied to examine and analyze theories related to the views Shafi'iyyah scholars on this issues. Finding revealed the method of determining lawful and unlawful animals in accordance with the sect of Shafi'i as well as some features of animals that are prohibited by certain rules. Finding further showed the aspect of *tayyibat* (clean and purify) and *khabith* (dirty and repulsive) became the basis and aforementioned principles of the sect of Shafi'i's scholars in determining

*the commandment of animals without specific nass or any nass in general. These results would then provide a more effective and efficient means to identify animals which are prohibited in Muslims' dietary.*

**Keywords:** *Shafi'i Sect, tayyibat, khabith, animals without nass, prohibited animals.*

## PENGENALAN

Mengetahui dan mencari yang halal dan haram merupakan fardu ain bagi setiap individu termasuk dalam hal yang berkaitan dengan makanan. Allah SWT memerintahkan manusia agar memakan makanan yang halal dengan firman-Nya:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ .  
(Al-Baqarah, 02: 168)

Maksudnya:

Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan.

Justeru, segala makanan yang haram hendaklah dijauhi. Islam sangat menitikberatkan dan memandang serius pengambilan makanan yang halal dan haram dalam kehidupan seharian memandangkan ia secara langsung berkait rapat dengan soal ibadah. Disebutkan dalam sebuah hadis bahawa pengambilan makanan yang haram boleh mengakibatkan seseorang dilemparkan ke dalam api neraka.

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَيُّمَا عَبْدٌ نَبَتَ لَحْمُهُ مِنَ السَّخْتِ وَالرِّبَا فَالْنَّارُ أَوْلَى بِهِ .  
(Al-Asqalani, 997:1502)

Maksudnya:

Rasulullah SAW bersabda: Setiap hamba yang dagingnya tumbuh daripada yang haram dan riba, maka api neraka layak baginya.

Pemakanan yang haram boleh menyebabkan doa seseorang tertolak dan tidak dimakbulkan kerana Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَكَرَ الرَّجُلُ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ يَا رَبَّ يَا رَبَّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغُذِيَ بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابَ لِذَلِكَ  
(Al-Nawawi, 2000: 88)

#### Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah r.a. katanya Rasulullah SAW menyebutkan perihal seorang lelaki yang mengadakan perjalanan jauh sehingga tampak lusuh, lalu dia menadahkan tangannya ke langit sambil berdoa, “Wahai Tuhanku” sedangkan makanan, minuman dan pakaiannya haram serta selalu diberi makanan haram, maka bagaimana dikabulkan (doanya).

Dari segi kesihatan pula, pengambilan makanan yang haram boleh menjejaskan dan membahayakan kesihatan contohnya khinzir. Penemuan sains menerusi pelbagai kajian membuktikan terdapat banyak virus dalam badan khinzir yang membahayakan kesihatan. Kajian saintis membuktikan bahawa daging khinzir mengandungi parasit dan bakteria yang amat berbahaya kepada manusia, antaranya cacing spesies *Taenia Solium*. *Taenia Solium* tidak boleh menyempurnakan kitaran hidupnya dalam usus. Oleh itu, ia terpaksa keluar melalui dinding-dinding usus dan masuk ke dalam aliran darah hingga ke seluruh bahagian badan manusia. Kuman-kuman ini berkumpul di organ-organ penting manusia seperti otak, mata, jantung dan paru-paru yang akhirnya menjadi penyebab kepada banyak penyakit serius dan boleh membawa maut seperti disenteri, trikinosis, cacing pita, cacing gelang, cacing kerawit, penyakit kuning (*jaundis*), pneumonia, kelemasan, sekatan usus, pankreatitis yang pedih, pembesaran hati, cirit-birit, kekurusan, demam kuat, penyekatan perkembangan pertumbuhan kanak-kanak, demam kepialu, ketempangan, masalah jantung, keguguran, mandul dan kematian mengejut (Sakr, Ahmad H., 2005: 13-14). Hal ini telah menyingkap hikmah di sebalik larangan memakan khinzir.

Selain itu, pemakanan dapat mempengaruhi perilaku individu. Misalnya, hikmah di sebalik larangan memakan binatang buas dan ganas adalah untuk mengelakkan manusia daripada mewarisi sifat buas dan ganas haiwan. Oleh sebab itu juga, khidmat penyusuan bagi kanak-kanak selain ibunya pada zaman Rasulullah SAW dibenarkan tetapi disyaratkan ibu susu berkenaan seorang yang berpegang teguh kepada agama dan sentiasa menjaga makanannya dari sumber, jenis dan cara yang halal (Ruaain Mustari, 1994: 49). Hal ini menunjukkan pemakanan mampu mempengaruhi pembentukan karakter seseorang.

Mengambil kira keperluan memakan makanan yang halal dan kemudahan memakan makanan yang haram inilah maka, segala makanan yang diharamkan dan diharamkan syarak wajib dikenal pasti. Ia tidak sekadar tuntutan agama bahkan, ia mempengaruhi pertumbuhan fizikal dan mental serta pembentukan peribadi dan akhlak individu. Dalam hal ini, Islam sangat relevan dan berasas dalam setiap pensyariatannya kerana setiap makanan yang diharamkan dan diharamkan dapat menjamin pemeliharaan dan keselamatan jiwa, akal dan agama seseorang, bertepatan dengan maqasid syariah (tujuan pensyariaan).

## KONSEP HALAL DAN HARAM MENURUT QURAN DAN SUNNAH

Konsep halal dan haram menurut Quran dan sunnah memainkan peranan penting dalam menentukan hukum haiwan yang tidak mempunyai nas atau dalil yang kukuh. Sesuatu spesies haiwan yang diharamkan atau diharamkan terikat dengan konsep ini. Oleh itu, untuk memahami konsep halal dan haram yang digariskan dalam Quran dan sunnah perkara-perkara yang berikut perlu diteliti:

### **Konsep asal sesuatu adalah harus**

Kaedah fiqh menetapkan asal sesuatu perkara yang bermanfaat adalah harus sehingga datang nas yang sahih dan jelas mengharamkannya (al-<sup>o</sup>Uthimin, t.th: 31). Kaedah ini berdasarkan kepada firman Allah SWT, antaranya:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا .  
(Al-Baqarah 02:29)

Maksudnya:

Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi.

وَسَخَّرَ لَكُمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِنْهُ .  
(Al-Jathiyah 45: 13)

Maksudnya:

Dan Ia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripada-Nya.

Berdasarkan ayat-ayat di atas, dapat diketahui bahawa ruang lingkup halal dibukakan seluas-luasnya oleh Allah SWT sedangkan ruang lingkup untuk perkara-perkara yang diharamkan sangat terbatas pada perkara-perkara yang telah diperincikan-Nya dalam Quran dan sunnah sahaja. Lantaran itu, nas-nas sahih dan jelas yang datang membawa hukum haram amat sedikit. Oleh itu, perkara-perkara yang tidak dinyatakan nas kehalalan atau keharamannya akan terus kekal dengan sifat asalnya, iaitu harus kerana berada dalam ruang kemaafan Allah, seperti yang dinyatakan dalam hadis:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ كَانَ أَهْلُ الْجَاهِلِيَّةِ يَأْكُلُونَ أَشْيَاءَ وَيَتْرُكُونَ أَشْيَاءَ تَقَدَّرَ اللَّهُ تَعَالَى نَبِيِّهِ وَأَنْزَلَ كِتَابَهُ وَأَحَلَّ حَلَالَهُ وَحَرَّمَ حَرَامَهُ فَمَا أَحَلَّ فَهُوَ حَلَالٌ وَمَا حَرَّمَ فَهُوَ حَرَامٌ وَمَا سَكَتَ عَنْهُ فَهُوَ عَفْوٌ .

(Abu Dawud, 1999:1638)

Maksudnya:

Daripada Ibn °Abbas katanya, orang-orang jahiliah memakan beberapa makanan dan meninggalkan beberapa makanan yang lain (tidak makan) kerana jijik. Lalu Allah mengutus nabi-Nya, menurunkan kitab-Nya, menghalalkan apa yang dihalalkan-Nya dan mengharamkan apa yang diharamkan-Nya. Maka, apa yang dihalalkan-Nya adalah halal dan apa yang diharamkan-Nya adalah haram serta apa yang didiamkan tentangnya adalah kemaafan (rukhsah).

Bermakna, sesuatu perkara adalah halal selagi tiada dalil yang mengharamkannya. Berbeza dengan perkara-perkara yang dikategorikan sebagai ibadat kerana perkara ibadat asalnya adalah terlarang kecuali diizinkan syarak dengan petunjuk dalil yang menganjurkan dan membenarkannya (al-°Uthimin, t.th: 32).

Dalam hubungan ini, Ibn Taymiyyah mengatakan tingkah laku manusia sama ada perkataan atau perbuatannya ada dua jenis, iaitu: (Ibn Taymiyyah, 2001: 12-13).

a. Ibadah untuk maslahat agamanya;

Ibadah yang diwajibkan atau yang dianjurkan tidak dapat ditentukan melainkan dengan syarak sahaja.

b. Adat, untuk keperluan kehidupan di dunia;

Adat ialah apa yang biasa dilakukan oleh manusia untuk memenuhi keperluan hidup mereka di dunia termasuk keperluan makan dan minum. Hukum asal bagi adat adalah dimaafkan (harus) dan tidak dilarang kecuali perkara-perkara yang telah dilarang oleh Allah SWT.

Dalam konteks adat atau muamalat, Allah tidak menentukan sebarang bentuk muamalat bahkan manusia yang menentukannya. Syariat hanya didatangkan untuk membetulkan, meluruskan, mendidik dan mengakuinya sahaja kecuali dalam keadaan tertentu bagi mengelakkan kerosakan dan kemudaratan. Berdasarkan prinsip inilah manusia bebas makan dan minum apa sahaja selagi syariat tidak mengharamkannya. Justeru, perkara-perkara yang tidak dibataskan oleh syariat, kekal dengan kemutlakan hukum asalnya (iaitu diharuskan). Bahkan, al-Qardhawi menyatakan jika tiada nas yang sahih seperti ada nas tetapi dengan hadis *dhaif* (lemah) atau nas berkenaan sahih tetapi tidak jelas dalam menunjukkan keharamannya, maka hal ini akan kekal atas sifat asalnya sebagai hal yang diharuskan (al-Qardhawi, 1993: 19).

### **Larangan mengharamkan sesuatu yang halal atau menghalalkan sesuatu yang haram**

Setelah memahami asal sesuatu yang bermanfaat adalah harus termasuk dalam pemakanan, maka satu lagi prinsip yang terkait dengan konsep sebelum ini yang perlu difahami, iaitu larangan mengharamkan sesuatu yang halal atau menghalalkan sesuatu yang haram. Hal ini demikian kerana hak pengharaman dan penghalalan sesuatu adalah hak Allah SWT. Imam al-Qurtubi mengatakan halal dan haram adalah hak Allah sepenuhnya, tidak boleh bagi seseorang individu mengatakan halal atau haram terhadap sesuatu benda kecuali berdasarkan wahyu dari Allah SWT (al-Qurtubi, 1968: 196).

Demikian juga apa yang dikatakan oleh al-Qasimi iaitu mengharamkan sesuatu benda hanya diketahui melalui wahyu bukan melalui hawa nafsu (al-Qasimi, 1958: 2538). Buktinya, Allah SWT menegur tindakan Rasulullah SAW mengharamkan sesuatu yang halal terhadap dirinya demi kepentingan beberapa isterinya,<sup>1</sup> firman-Nya:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ لِمَ تُحَرِّمُ مَا أَحَلَّ اللَّهُ لَكَ تَبْتَغِي مَرْضَاتِ أَزْوَاجِكَ.

(Al-Tahrim 66: 01)

Maksudnya:

Wahai Nabi! Mengapa engkau haramkan (dengan bersumpah menyekat dirimu daripada menikmati) apa yang diharamkan oleh Allah bagimu, (kerana) engkau hendak mencari keredaan isteri-isterimu?

Firman Allah SWT lagi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُحَرِّمُوا طَيِّبَاتِ مَا أَحَلَّ اللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ

(Al-Ma'idah 05: 87)

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik-baik yang telah diharamkan oleh Allah bagi kamu dan janganlah kamu melampaui batas (pada apa yang telah ditetapkan halalnya itu); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.

Ayat di atas jelas menunjukkan tegahan mengharamkan *tayyibat* atau sesuatu yang diharamkan oleh Allah, bahkan tindakan seperti ini dianggap menentang syariat Allah, demikian juga tindakan menghalalkan yang haram. Allah SWT dengan tegas mengecam tindakan orang-orang musyrik yang serta-merta mengharamkan halal dan menghalalkan yang haram seperti yang digambarkan dalam firman-Nya:

فَلْأَرَأَيْتُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ لَكُمْ مِنْ رِزْقٍ فَجَعَلْتُمْ مِنْهُ حَرَامًا وَحَلَالًا قُلْ اللَّهُ أَدْنَىٰ لَكُمْ أَمْ عَلَى اللَّهِ تَفْتَرُونَ.

(Yunus 10:59)

Maksudnya:

Katakanlah (kepada kaum yang mengada-adakan sesuatu hukum): “Sudahkah kamu nampak baik-buruknya sesuatu yang diturunkan Allah untuk manfaat kamu itu sehingga dapat kamu jadikan sebahagian daripadanya haram dan sebahagian lagi halal?” katakanlah lagi (kepada mereka): “Adakah Allah izinkan bagi kamu berbuat demikian atau kamu hanya mengada-adakan secara dusta terhadap Allah?”

Sehubungan itu, Ibn ʿAbbas, Mujahid, ʿAbd Rahman ibn Zayd dan ramai lagi mengatakan ayat ini turun sebagai pengingkaran terhadap tindakan orang-orang musyrik yang menghalalkan benda-benda haram atau sebaliknya (Ibn Kathir, 1993: 403). Bahkan, tindakan seumpama ini membawa padah kepada diri mereka sendiri sebagaimana firman Allah SWT:

قَدْ خَسِرَ الَّذِينَ قَتَلُوا أَوْلَادَهُمْ سَفَهًا بِغَيْرِ عِلْمٍ وَحَرَّمُوا مَا رَزَقَهُمُ اللَّهُ افْتِرَاءً عَلَى اللَّهِ قَدْ ضَلُّوا وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ.  
(Al-Anʿam, 6: 140)

Maksudnya:

Sesungguhnya rugilah orang yang membunuh anak-anak mereka kerana kebodohan lagi tidak berpengetahuan (sedang Allah yang memberi rezeki kepada sekalian makhluk-Nya) dan juga (rugilah orang-orang yang) mengharamkan apa yang telah dikurniakan oleh Allah kepada mereka dengan berdusta terhadap Allah. Sesungguhnya sesatlah mereka dan tiadalah mereka mendapat petunjuk.

### **Konsep *tayyibat* dan *khaba'ith***

Konsep ini sangat penting dalam mempengaruhi penentuan halal dan haram haiwan-haiwan yang tiada nas kerana setiap haiwan yang dihalalkan adalah *tayyibat* dan setiap haiwan yang diharamkan adalah *khabith*. Secara umum, konsep *tayyibat* merujuk kepada setiap sesuatu yang dihalalkan oleh Allah SWT dan *khaba'ith* pula adalah setiap sesuatu yang diharamkan-Nya. Konsep ini didasarkan pada firman Allah SWT:

وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ.  
(Al-Aʿraf 07: 157)

Maksudnya:

Dan Ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk.

Dalam konteks ayat di atas, terdapat pelbagai tafsiran dalam kalangan ulama berkenaan *tayyibat* dan *khaba'ith*. Sebahagian ulama menyatakan setiap yang dihalalkan oleh Allah SWT adalah *tayyibat* dan bermanfaat kepada tubuh badan dan agama, sebaliknya setiap yang diharamkan-Nya adalah *khabith* dan memudaratkan tubuh badan dan agama (Ibn Khatir, 2000: 791).



Menurut mazhab Shafi'i, Hanbali dan Hanafi pula, *tayyibat* yang dimaksudkan dalam ayat di atas adalah merujuk kepada apa-apa yang dianggap baik oleh orang Arab, sebaliknya *khaba'ith* pula adalah apa-apa yang dianggap kotor dan jijik oleh mereka. Oleh sebab itu, hanya haiwan-haiwan yang dianggap baik oleh orang Arab sahaja yang halal dimakan, sementara haiwan-haiwan yang dianggap kotor dan jijik oleh mereka haram dimakan (Al-Sharbini, 1998: 376; Ibn al-Qudamah, 1996: 229; Al-Haskafi, 2000: 511-513; Al-Farran, 2006: 854).

Berbeza dengan mazhab Maliki yang mentafsirkan *tayyibat* sebagai perkara-perkara yang halal daripada rezeki serta tidak terdapat pengharamannya dalam Quran dan sunnah (Ibn Rushd, 1994: 223; Al-Qurtubi, 2000: 237; Al-Shawkani, 1991: 183).

Pun begitu, jika diteliti haiwan-haiwan yang dihalalkan dan diharamkan di dalam al-Quran dan sunnah dapat dikatakan bahawa *tayyibat* yang dihalalkan oleh Allah dalam konteks haiwan adalah yang bermanfaat kepada pertumbuhan fizikal, mental dan akhlak manusia. Sementara *khaba'ith* pula ialah segala yang membahayakan dan memudaratkan pertumbuhan fizikal, perkembangan mental dan akhlak. Hal ini berdasarkan kepada larangan dan pengharaman Allah SWT tentang beberapa perkara dalam al-Quran dan sunnah yang dapat dijadikan prinsip dan pertimbangan dalam menentukan sesuatu spesies haiwan itu *tayyibat* atau *khabith* sebagaimana berikut:

a. Segala perkara yang boleh membinasakan dan merosakkan manusia adalah *khabith*, firman Allah SWT:

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ .  
(Al-Baqarah 02:195)

Maksudnya:

Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan.

Ayat di atas merupakan prinsip umum dan utama yang dijadikan sandaran dan panduan dalam mengharamkan segala perkara yang boleh merosakkan manusia.

b. Sebarang makanan yang boleh menjejaskan kesihatan dan mengancam nyawa adalah *khabith*, firman Allah SWT:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ .  
(Al-Baqarah 02: 173)

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai dan darah dan daging khinzir dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah.

Berdasarkan ayat di atas jelas menunjukkan Allah mengharamkan apa jua perkara yang boleh menjejaskan kesihatan dan mengancam nyawa manusia termasuk beberapa jenis makanan antaranya khinzir.<sup>2</sup>

c. Segala perkara yang boleh menjejaskan akal dan fungsinya adalah *khabith*, firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ .  
(Al-Ma'idah 05: 90)

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak dan judi, dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) daripada perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

Pengharaman arak dalam ayat di atas dijadikan asas bahawa sesuatu yang boleh menjejaskan akal dan mental manusia dilarang dan perlu di jauhi.

d. Segala perkara yang boleh menghapuskan sifat manusiawi adalah *khabith*, Rasulullah SAW bersabda:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ كُلِّ ذِي نَابٍ مِنَ السَّبَاعِ وَعَنْ كُلِّ ذِي مَخْلَبٍ مِنَ الطَّيْرِ .  
(Al-Nawawi, 2000: 71; Al-Sayuti, 1999: 152; Abu Dawud, 1999: 1639)

Maksudnya:

Daripada Ibn <sup>°</sup>Abbas katanya, Rasulullah SAW melarang daripada (memakan) setiap yang bertaring daripada binatang buas dan setiap yang mempunyai kuku mencengkam daripada burung.

Para ulama menyatakan hikmah pengharaman haiwan yang bersifat buas dan ganas bertujuan mengelakkan manusia daripada mewarisi sifat buas dan ganas haiwan tersebut yang menafikan sifat manusiawi. Berpandukan tegahan Rasulullah SAW dalam hadis ini dapat dikatakan bahawa antara prinsip yang diambil kira dalam pengharaman sesuatu jenis makanan adalah tidak menjejaskan sifat-sifat manusiawi atau dalam kata lain, makanan yang baik (*tayyibat*) mestilah membantu kepada pembentukan akhlak dan peribadi yang baik.

Konsep *tayyibat* dan *khaba'ith* ini mengikat hukum setiap haiwan yang dihalaikan dan diharamkan. Hal ini demikian kerana setiap haiwan yang halal dimakan adalah *tayyibat* dan setiap haiwan yang haram dimakan adalah *khabith*, meskipun ulama mempunyai pandangan yang berbeza dalam mentafsirkan maksud *tayyibat* dan *khaba'ith*.

#### PENDEKATAN MAZHAB SHAFI'Ī DALAM PENETAPAN HUKUM HAIWAN TIADA NAS

Mazhab Shafi'ī mempunyai kaedah tersendiri dalam menentukan hukum haiwan yang tiada nas khusus atau nas umum, iaitu dengan merujuk kepada pandangan orang Arab dalam kalangan mereka yang hidup senang dan memiliki naluri yang sejahtera (diterima). Jika sesuatu spesies haiwan dianggap atau dinilai *tayyibat*, maka haiwan tersebut halal dimakan, sebaliknya jika ia dianggap *khabith* maka haram memakannya (Al-Nawawi, 1980: 26-27).

Namun, jika sesuatu spesies haiwan tidak diketahui namanya atau tidak ditemui di tempat atau kawasan tanah Arab, maka untuk menentukan hukumnya perlu dilihat haiwan yang hampir serupa dengannya.<sup>3</sup> Tetapi jika tidak ditemui haiwan yang paling hampir serupa dengannya, maka perlu kembali kepada konsep asal sesuatu mengikut mazhab Shafi'ī.

Bagi mazhab Shafi'i, asal sesuatu adalah harus (Al-Sayuti, 1998: 166). Imam Shafi'i berpandangan asal sesuatu makanan dan minuman yang tidak dimiliki oleh mana-mana individu adalah halal kecuali apa-apa yang diharamkan oleh Allah SWT dalam kitab-Nya melalui lisan Nabi-Nya (Muhammad Baltaji, 2004: 560). Firman Allah SWT:

قُلْ لَا أُجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنْزِيرٍ.  
(Surah al-An'am 6:145)

Maksudnya:

Katakanlah: "Tiadalah aku peroleh dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya kecuali kalau makanan itu bangkai atau darah yang mengalir atau daging khinzir... ."

Berdasarkan kaedah ini, haiwan-haiwan yang tiada nas dan tidak dapat ditentukan hukumnya berdasarkan tanggapan orang Arab kerana ketiadaan spesies haiwan yang sama atau serupa dengannya di tempat mereka, maka haiwan tersebut harus dimakan. Golongan ini berpegang pada konsep bahawa setiap sesuatu yang didiamkan (tidak dijelaskan) hukumnya adalah dimaafkan (rukhsah) selagi ia bersih, tidak memudaratkan dan menyakitkan yang boleh membawa kepada kemusnahan jiwa atau nyawa.

## CIRI-CIRI HAIWAN HARAM DALAM MAZHAB SHAFI'I

Untuk menentukan hukum memakan haiwan-haiwan yang tidak disebutkan secara spesifik atau umum dalam Quran dan Sunnah dengan mudah, mengidentifikasi ciri-ciri haiwan haram dalam mazhab Shafi'i dapat dijadikan alternatif dan panduan. Hal ini demikian kerana mana-mana haiwan yang memiliki salah satu ciri-ciri haiwan haram, maka haiwan tersebut haram dimakan termasuklah haiwan-haiwan akuatik. Bahkan, haiwan akuatik yang memiliki nama yang sama dengan haiwan darat yang haram dimakan, turut diharamkan. Contohnya badak air, anjing laut dan singa laut. Ciri-ciri haiwan haram ini dihipunkan berdasarkan *'illah* (sebab) atau alasan yang menjadikan sesuatu spesies haiwan haram dimakan. Ciri-ciri tersebut adalah sebagaimana yang berikut;

### **Bersifat buas dan bertaring**

Hampir semua ulama termasuk Imam Shafi'i bersepakat mengharamkan haiwan-haiwan yang bersifat buas dan mempunyai taring meskipun mereka berbeza pandangan dalam membahaskan perincian sifat buas dan taring yang diharamkan (al-Kasani, 1997: 192-193; al-Sharbini, 1998: 378; Ibn al-Qudamah, 1996: 90 & 94).

Hal ini menyebabkan ketidakseragaman hukum melibatkan haiwan-haiwan seperti dubuk, musang dan *jackal*. Ciri-ciri ini diharamkan berdasarkan hadis Rasulullah SAW antaranya:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ كُلِّ ذِي نَابٍ مِنَ السَّبَاعِ.  
(Al-Nawawi, 2000: 71; Al-Sayuti 1999: 152; Abu Dawud, 1999: 1639)

Maksudnya:

Daripada Ibn 'Abbas katanya, Rasulullah SAW melarang (memakan) setiap yang bertaring daripada binatang buas.

Bagi mendapatkan gambaran yang jelas, kedua-dua ciri ini dibincangkan secara berasingan meskipun ulama menggabungkan perbincangan kedua-duanya.

#### **a. Taring**

Menurut al-Shafi'iyah, taring yang dimiliki oleh haiwan yang diharamkan adalah taring yang kuat dan digunakan untuk memburu mangsanya (al-Sharbini, 1998: 378; al-Nawawi, 1980: 15; Al-Mardawi, 1998: 355; Ibn al-Qudamah, 1996: 89).

#### **b. Buas**

Tafsiran haiwan buas menurut al-Shafi'i ialah haiwan yang boleh memudaratkan, iaitu yang menyerang (al-Sharbini, 1998: 378; Ibn al-Qudamah, 1996: 90 & 94). Oleh sebab itu, haiwan yang tidak menyerang mangsanya tidak dikategorikan sebagai buas.

Secara umum, dapat disimpulkan bahawa semua binatang buas yang menyerang dan memiliki taring yang kuat serta digunakan untuk memburu mangsanya sama ada manusia mahupun haiwan, haram menurut mazhab Shafi'i. Lantaran itu, hanya haiwan yang menepati ciri-ciri sedemikian sahaja

yang diharamkan seperti harimau, singa, serigala, beruang dan sebagainya. Sebaliknya, haiwan yang tidak memiliki taring yang kuat seperti dubuk dan musang halal dimakan.

Dalam hal ini, fungsi taring dan pengertian buas merupakan elemen terpenting yang mempengaruhi pengharaman sesuatu spesies haiwan kerana hadis hanya menyatakan ciri-ciri tersebut secara umum. Skop pengharaman berdasarkan ciri-ciri ini tidak hanya melibatkan haiwan yang hidup di darat bahkan haiwan akuatik yang bersifat buas dan memiliki taring juga diharamkan menurut ulama al-Shafi'iyah. Namun begitu, sesuatu spesies haiwan tidak diharamkan jika hanya memiliki salah satu ciri tersebut tetapi mesti menggabungkan kedua-dua ciri sekali gus.

### **Memiliki kuku pencakar atau tajam atau mencengkam**

Pengharaman ciri ini khusus untuk burung seperti yang dinyatakan dalam hadis.

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ كُلِّ ذِي نَابٍ مِنَ السَّبَاعِ وَعَنْ كُلِّ ذِي مَخْلَبٍ مِنَ الطَّيْرِ.  
(Al-Nawawi, 2000: 71; Abu Dawud, 1999: 1639-1640; Al-Sayuti, 1999:152)

Maksudnya:

Daripada Ibn 'Abbas katanya, Rasulullah SAW melarang daripada (memakan) setiap yang bertaring daripada binatang buas dan setiap yang mempunyai kuku mencengkam daripada burung.

Burung-burung yang mempunyai kuku pencakar atau mencengkam atau tajam haram dimakan. Ulama tidak membincangkan ciri ini secara spesifik, sekadar menyatakan burung yang mempunyai kuku pencakar atau tajam atau mencengkam dan menggunakan kukunya untuk menangkap mangsanya haram dimakan. Contohnya, burung-burung spesies helang, rajawali dan burung hantu (Ibn al-Qudamah, 1996: 94-95; al-Shanqiti, 1995: 539).

### **Ada arahan atau larangan bunuh**

Majoriti ulama termasuk Imam Shafi'i sepakat memutuskan haram memakan semua haiwan *fawasiq*<sup>4</sup> dan haiwan-haiwan yang dilarang bunuh, iaitu lebah, semut, burung hud-hud (belatuk) serta burung nuri sama ada di Tanah Halal mahupun di Tanah Haram, sebagaimana dinyatakan hadis berikut:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ خَمْسٌ مِنَ الدَّوَابِّ كُلُّهُنَّ فَاسِقٌ، يَقْتُلُهُنَّ فِي الْحَرَمِ  
الْغُرَابُ وَالْحِدَاةُ وَالْعَقْرَبُ وَالْفَارَةُ وَالْكَلْبُ الْعَقُورُ.  
(Al-'Asqalani, 1996: 40; Al-Nawawi, 2000: 92-93; Ibn al-Qudamah, 1996: 102)

Maksudnya:

Daripada Aishah r.a. sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Lima jenis haiwan semuanya *fasiq* yang dibunuh di Tanah Haram iaitu burung gagak, burung hering, kala jengking, tikus dan anjing buas.

Arahan Rasulullah SAW agar membunuh haiwan-haiwan tersebut menunjukkan haiwan-haiwan tersebut tidak boleh dimakan kerana jika ia boleh dimakan, nescaya tidak ada arahan sedemikian (bunuh). Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْتُلُوا الصَّيْدَ وَأَنْتُمْ حُرْمٌ

(Al-Ma'idah 5: 95)

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu membunuh binatang-binatang buruan ketika kamu sedang berhram.

Selain itu, pengharaman ini diasaskan pada rasional bahawa haiwan yang dibenarkan bunuh tanpa proses penyembelihan menunjukkan pengharamannya kerana haiwan yang halal dimakan tidak akan diperlakukan sedemikian (dibunuh tanpa disembelih terlebih dahulu) (al-Qurtubi, 1999: 386). Berdasarkan rasional inilah maka segala spesies haiwan yang boleh dibunuh tidak halal dimakan, manakala haiwan-haiwan yang dilarang bunuh haram dimakan berasaskan rasional bahawa haiwan-haiwan yang boleh dimakan sudah tentu tidak akan dilarang bunuh.

Haiwan-haiwan yang diperintahkan bunuh ini juga mempunyai ciri-ciri tersendiri yang menjadikannya haram dimakan. Misalnya, kala jengking haiwan berbisa yang boleh memudaratkan, anjing liar bersifat buas, gagak dan helang pemakan bangkai dan tikus kotor dan menjijikkan.

## Kotor dan jijik

Penentuan halal dan haram kebanyakan haiwan yang tidak diperincikan hukumnya dalam Quran dan sunnah termasuk haiwan akuatik adalah melalui penilaian terhadap sesuatu spesies haiwan sama ada haiwan tersebut dikategorikan *tayyibat* (baik/elok) ataupun *khabith* (kotor/jijik). Haiwan yang dinilai *tayyibat* (baik/elok) adalah halal, sebaliknya haiwan yang *khabith* (kotor/jijik) haram dimakan. Penilaian ini ditentukan melalui beberapa kaedah iaitu:

### 1. Berpandukan nas dan *qiyas*

Salah satu kaedah yang diguna pakai oleh para ulama untuk menilai sama ada sesuatu spesies haiwan *tayyibat* atau *khabith* adalah dengan merujuk kepada nas-nas yang berkaitan dan dapat dijadikan sandaran dalil menunjukkan haiwan tersebut kotor dan jijik. Terdapat dua cara dalam konteks penilaian berdasarkan kaedah ini, iaitu:

**Cara pertama:** Melalui nas yang menyatakan secara langsung haiwan tersebut *tayyibat* atau *khabith*, contohnya landak dianggap *khabith* kerana berdasarkan hadis di bawah;

عَنْ عَيْسَى بْنِ نُمَيْلَةَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ كُنْتُ عِنْدَ ابْنِ عُمَرَ فَسُئِلَ عَنْ أَكْلِ الْقَنْفُذِ فَقَالَ (قَالَ لَا أَجِدُ فِيهَا أَوْجِيَّ إِلَىٰ مُحْرَمًا) الْآيَةَ قَالَ قَالَ شَيْخٌ عِنْدَهُ سَمِعْتُ أَبَا هُرَيْرَةَ يَقُولُ ذَكَرَ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ خَبِيثَةٌ مِنَ الْخَبَائِثِ. فَقَالَ ابْنُ عُمَرَ إِنْ كَانَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَذَا فَهِيَ كَمَا قَالَ.

(Abu Bakar Ahmad, 1994: 547; Sunan Abi Dawud, 1999: 637)

Maksudnya:

Daripada <sup>o</sup>Isa ibn Numaylah daripada ayahnya dia berkata, ketika aku di sisi Ibn <sup>o</sup>Umar lalu beliau ditanya tentang perihal memakan landak, maka beliau membacakan (قَالَ لَا أَجِدُ فِيهَا أَوْجِيَّ إِلَىٰ مُحْرَمًا). Katanya lagi: Berkata seorang lelaki tua di sisinya: Aku telah mendengar Abu Hurairah berkata bahawa pernah disebutkan (perihal memakan landak) kepada Nabi Muhammad SAW, lalu Baginda bersabda: Landak itu kotor. Maka, berkata Ibn <sup>o</sup>Umar: Jika Rasulullah SAW mengatakan ini, maka adalah (hukum landak) seperti yang Baginda katakan.

Ataupun terdapat nas yang dapat dikaitkan menunjukkan haiwan tersebut adalah *khabith*, contohnya hadis tentang beberapa haiwan yang dibenarkan bunuh seperti tikus, kala jengking, gagak, hering dan anjing liar yang menunjukkan haiwan-haiwan tersebut adalah *khabith*.<sup>5</sup>



**Cara kedua:** Menggunakan *qiyas* (menyamakan hukum) terhadap haiwan-haiwan yang mempunyai persamaan *'illah* (sebab) pengharaman yang berikut:

**a. Tabiat pemakanan yang kotor**

Tabiat pemakanan yang kotor menjadikan haiwan tersebut kotor dan jijik. Haiwan dalam kategori ini ialah gagak dan helang kerana kedua-duanya merupakan haiwan pemakan bangkai. Lantaran itu, haiwan lain yang mempunyai tabiat pemakanan yang sama diharamkan.

**b. Memudaratkan dan menyakitkan**

Semua haiwan yang boleh memudaratkan dan menyakitkan disebabkan racun atau bisa yang dimilikinya, haram dimakan berdasarkan pengharaman kala jengking yang merupakan haiwan kategori *khabith* kerana berbisa. Justeru, haiwan-haiwan seperti tebuhan, lipan, katak beracun dan sebagainya haram dimakan kerana beracun dan berbisa.

**c. Spesies dari kumpulan yang sama (kotor dan jijik)**

Diharamkan memakan haiwan-haiwan kecil tanah dan haiwan-haiwan melata seperti lipas, serangga, ulat, lalat, biawak dan sebagainya kerana *qiyas* terhadap haiwan daripada kumpulan atau kategori yang sama iaitu landak dan dhab yang dinilai *khabith* berpandukan hadis.<sup>6</sup> Dengan alasan, apabila salah satu spesies haiwan daripada kumpulan yang sama diharamkan kerana *khabith* berdasarkan nas, maka haiwan-haiwan lain daripada kumpulan yang sama juga dianggap *khabith*.

**Berdasarkan penilaian atau tanggapan orang Arab**

Salah satu kaedah menentukan sesuatu spesies haiwan *tayyibat* atau *khabith* dalam mazhab Shafi'i adalah berdasarkan tanggapan orang Arab. Jika sesuatu spesies haiwan dianggap *tayyibat* maka halal dimakan, sebaliknya jika haiwan dianggap *khabith* maka haiwan tersebut haram dimakan. Ulama berbeza pandangan terhadap orang Arab yang berhak dan wajar menjadi penilai dalam menentukan *tayyibat* atau *khabith* sesuatu spesies haiwan. Bagi ulama Shafi'i, tanggapan yang diambil kira adalah tanggapan orang Arab yang hidup atau tinggal di kampung dan hidup senang, bukan yang tinggal di pedalaman serta hidup melarat akibat desakan hidup. Namun begitu, jika tiada keseragaman di antara individu-individu dalam hal penentuan halal dan haram haiwan, maka pandangan majoriti perlu diambil

kira. Tetapi, jika bilangan individu yang mengatakan *tayyibat* atau *khabith* bersamaan (sama rata), perlu dirujuk pandangan Arab Quraysh kerana mereka adalah Arab yang tulen (al-Nawawi, 1980: 26-27).

Berpandukan kaedah ini, haiwan-haiwan melata seperti serangga, ulat-ulat, lipas, kumbang, kala jengking, tikus, lalat dan burung-burung seperti merak, kakak tua, bangau, kelawar, lebah, tebian dan banyak lagi diharamkan kerana orang Arab menganggapnya *khabith*.

Dalam hal ini, pandangan orang Arab merupakan satu-satunya pandangan yang berautoriti sehingga dapat dijadikan sandaran dalil dalam penetapan hukum. Pandangan selain orang Arab tidak diambil kira kerana boleh menimbulkan kecelaruan hukum ekoran penilaian yang berbeza-beza terhadap sesuatu spesies haiwan. Pun begitu, penilaian seumpama ini tetap mengundang perbezaan hukum kerana ulama tetap tidak sepakat memutuskan individu yang layak menilai *tayyibat* atau *khabith* sesuatu spesies haiwan.

Bagi ulama Hanafi dan Hanbali, mereka berpendapat penilaian atau tanggapan penduduk Hijaz yang tinggal di bandar sewajarnya dijadikan panduan dalam menentukan haiwan *tayyibat* atau *khabith* memandangkan Quran diturunkan ke atas mereka dan mereka yang menuturkannya. Lantaran itu, bagi mengetahui lafaz-lafaz *mutlaq* (umum) yang terkandung di dalam Quran dan sunnah wajar dirujuk kepada mereka kerana mereka lebih memahaminya berbanding orang lain (Al-Haskafi, 2000: 443; Ibn al-Qudamah, 1996: 89).

Penentuan hukum berdasarkan pandangan orang Arab masih ada ruang untuk dipertikaikan kehujahannya. Ibn Taymiyyah misalnya, menyangkal pandangan atau tanggapan sesuatu kelompok masyarakat misalnya orang Arab yang diberi autoriti dalam menilai *tayyibat* atau *khabith* sesuatu spesies haiwan (Ibn Taymiyyah, 1991: 24). Hal ini demikian kerana sesuatu kelompok masyarakat berkemungkinan memakan sesuatu spesies haiwan atau menganggap haiwan tertentu *tayyibat* atau *khabith* tetapi tidak bagi kelompok masyarakat yang lain. Rasional pandangan ini diasaskan pada tindakan Rasulullah SAW yang digambarkan dalam hadis berikut:

عن ابن عباس أَخْبَرَهُ أَنَّ خَالِدَ بْنَ الْوَلِيدِ أَنَّهُ دَخَلَ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى مَيْمُونَةَ فَاتَى بَضْبَ مَخْنُودًا، فَأَهْوَى إِلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدِهِ، فَقَالَتْ بَعْضُ النِّسْوَةِ: أَخْبَرُوا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمَا يَرِيدُ أَنْ يَأْكُلَ فَقَالُوا هُوَ الضَّبُّ يَا رَسُولَ اللَّهِ. فَرَفَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَهُ عَنِ الضَّبِّ، فَقَالَ خَالِدُ بْنُ الْوَلِيدِ أَخْرَأْتُ الضَّبُّ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ لَا وَلَكِنْ لَمْ يَكُنْ بِأَرْضِ قَوْمِي فَأَجِدُنِي أَعَافُهُ قَالَ خَالِدٌ فَاجْتَرَرْتُهُ فَأَكَلْتُهُ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَنْظُرُ إِلَيَّ.

(Sahih Al- Asqalani, 1996: 489; Al-Nawawi, 2000: 84; Abu Dawud, 1999: 1635; Al-Turmidhi, 1999: 38; A--Sayuti, 1999: 140-141; Ibn Majah, 1998: 591-592)

Maksudnya:

Daripada Ibn <sup>o</sup>Abbas dia mengkhabarkan sesungguhnya Khalid Ibn al-Walid bersama Rasulullah berkunjung ke rumah Maimunah. Maka, dihidangkan dhab panggang lalu Rasulullah SAW menghulurkan tangannya pada dhab tersebut. Maka, berkata salah seorang wanita: Khabarkanlah kepada Rasulullah SAW tentang apa yang Baginda hendak makan itu. Lalu mereka mengatakan itu adalah dhab wahai Rasulullah. Lantas dengan itu Rasulullah SAW menarik kembali tangannya daripada dhab. Kemudian Khalid Ibn al-Walid bertanya haramkah dhab itu wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Tidak, akan tetapi ia tidak terdapat di bumi kaumku maka aku dapati diriku berasa jijik. Khalid berkata: Aku mengambilnya lalu memakannya sedangkan Rasulullah SAW melihatku.

Berdasarkan hadis di atas jelas menunjukkan Rasulullah SAW tidak mengharamkan memakan daging dhab meskipun hal sedemikian tidak menjadi kebiasaan dalam masyarakatnya, bahkan Baginda sendiri tidak memakannya.

Demikian juga Allah mengharamkan daging khinzir, darah, bangkai dan lain-lain yang dianggap makanan yang *tayyibat* oleh sesetengah masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa mana-mana pandangan tidak berautoriti sama sekali dalam menentukan halal dan haram haiwan. Bermakna, ukuran *tayyibat* atau *khabith* tidak bergantung pada penilaian individu, komuniti atau masyarakat tertentu tetapi tertakluk pada haiwan atau ciri-ciri tertentu yang dimilikinya yang menjadikannya haiwan *tayyibat* atau *khabith*.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat diringkaskan bahawa ciri-ciri haiwan yang haram dimakan dalam mazhab Shafi'i adalah sebagaimana berikut:

**a. Haiwan Darat**

- i. Haiwan bersifat buas yang bertaring kuat seperti beruang, *jackal*, gajah dan monyet.
- ii. Haiwan-haiwan yang diperintahkan bunuh dan dilarang bunuh iaitu kala jengking, burung gagak, burung hering, tikus, semut, lebah, burung nuri dan burung hud-hud.
- iii. Haiwan-haiwan yang dinilai dan dianggap *khabith* (kotor dan jijik) seperti haiwan-haiwan melata dan serangga termasuklah kumbang, lipas, ulat dan lalat.
- iv. Haiwan pemakan bangkai dan najis.
- v. Haiwan yang memudaratkan dan menyakitkan kerana racun atau bisa yang dimilikinya seperti tebuan, kala jengking dan ular.

**b. Burung-burung**

- i. Burung-burung yang memiliki kuku pencakar atau mencengkam atau tajam seperti helang dan rajawali.
- ii. Burung-burung yang dianggap *khabith* (kotor dan jijik) seperti burung kakak tua, kelawar dan burung merak.
- iii. Burung-burung yang memakan najis dan kotoran.

**c. Haiwan Laut**

- i. Haiwan-haiwan yang dianggap *khabith* (kotor dan jijik) seperti ketam, penyu, labi-labi, kura-kura dan lain-lain lagi.
- ii. Haiwan-haiwan yang dilarang bunuh seperti katak.
- iii. Haiwan-haiwan yang serupa dengan haiwan-haiwan darat yang diharamkan seperti singa laut, anjing laut dan khinzir laut (badak air).
- iv. Haiwan-haiwan yang memiliki ciri pemangsa seperti haiwan darat contohnya buaya.
- v. Haiwan yang memudaratkan dan beracun contohnya ular.

## KESIMPULAN

Menentukan halal dan haram bagi haiwan yang tidak mempunyai nas yang spesifik menjadi lebih mudah dengan mengidentifikasi ciri-ciri haiwan haram. Jika sesuatu spesies haiwan tidak memiliki mana-mana ciri haiwan haram, maka ia halal dimakan kerana asal sesuatu makanan dan minuman

yang tidak dimiliki oleh mana-mana individu adalah halal kecuali apa-apa yang diharamkan oleh Allah SWT menurut pandangan Imam Shafi'i. Pendekatan ulama mazhab Shafi'i dalam permasalahan hukum memakan haiwan berada dalam golongan pertengahan yang tidak terlalu ketat dan tidak juga terlalu longgar. Segala ijthad hukum disandarkan pada hujah yang lebih kuat dan berotoriti. Mazhab Shafi'i mengambil kira segala dalil yang ada sehingga tidak ada satu dalil yang digugurkan ataupun diabaikan. Kedudukan Quran dan sunnah sebagai dalil utama adalah sama di sisi mereka. Lantaran itu, sunnah tidak digugurkan sebagai hujah jika terdapat pertembungan di antara sunnah dan Quran. Bahkan, ia berfungsi sebagai penjelas (*bayan*), pengkhusus (*takhsis*), pembatas (*taqyid*) kepada Quran.

## NOTA

<sup>1</sup> Disebutkan dalam sahih Muslim bahawa Nabi Muhammad SAW pernah mengharamkan dirinya minum madu untuk menyenangkan hati isteri-isterinya. Maka, turunlah ayat teguran ini kepada Nabi (al-Qurtubi, *Abi 'Abd Allah Muhammad ibn Ahmad, Jami' al-ahkam Quran*, Bayrut, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1420H/2000, Jld. 9, hlm. 115.).

<sup>2</sup> Bahaya memakan khinzir dari segi kesihatan. Rujuk perbincangan sebelum ini iaitu pada halaman 2.

<sup>3</sup> Serupa yang dimaksudkan adalah sama ada dari segi bentuk (fizikal), tabiat atau rasa dagingnya. (Al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad ibn al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, Bayrut, Dar al-Fikr, 1419H/1998, Jld. 4, hlm. 383).

<sup>4</sup> Haiwan-haiwan yang Rasulullah SAW perintahkan bunuh iaitu burung gagak, burung hering, kala jengking, tikus dan anjing buas.

<sup>5</sup> Rujuk perbincangan haiwan-haiwan yang dibenarkan bunuh.

<sup>6</sup> Sila rujuk perbincangan haiwan kategori kotor dan jijik.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Tafsir pimpinan al-Qur'an kepada pengertian al-Qur'an. 1995. Cetakan keenam. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Abu Dawud, Sulayman ibn al-Ash'ath. 1420H/1999. *Sunan Abi Dawud*. Jld. 3. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.

Al-Farran, Ahmad ibn Mustafa. 1427/2006. *Tafsir al-imam al-Shafi'i*. Al-Riyadh: Dar al-Tadmuriyyah.

Al-'Asqalani, Ahmad ibn 'Ali ibn Hajar. 1416H/1996. *Fath al-bari bi sharh sahih al-Bukhari*. Jld. 12. Al-Qahirah: Dar Abi Hayan.

Al-'Asqalani, Ahmad ibn 'Ali ibn Muhammad ibn Hajar. 1417H/1997. *Talkhis al-habir fitakhrij al-hadith al-rafi'i al-kabir*. Jld. 4. Riyadh.

- Al-Bayhaqi, Abu Bakr Ahmad ibn al-Husin ibn °Ali ibn Musa. 1414H/1994. *Sunan al-kubra lial-Bayhaqi*. Jld. 9. Bayrut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Al-Haskafi, °Ala' al-Din Muhammad ibn °Ali. 1420H/2000. *Radd al-muhtar °ala dur al-mukhtar hashiyah ibn °Abidin*. Jld. 9. Bayrut: Dar al-Ma°rifah.
- Al-Kasani, °Ala' al-Din Abu Bakr ibn Mas°ud. 1418H/1997. *Bada'ic al-sana'ic*. Jld. 6. Bayrut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Al-Mardawi, °Ala al-Din Abu al-Hasan °Ali ibn Sulayman. 1419H. *Al-insaf fi ma°rifah al-rajih min al-khilaf°ala madhhab imam Ahmad ibn Hanbal*. Jld. 10. Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-°Arabiyy.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhyi al-Din. 1980. *Kitab al-majmu°*. Jld. 9. Jaddah: Maktabat al-Irshad.
- Al-Nawawi, Abu Zakariya Muhy al-Din Yahya ibn Sharf. 1421H/2000. *Sahih Muslim bisharh al-Nawawi*. Jld. 4, 5 & 7. Bayrut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Al-Qardhawi, Yusuf. 1413H/1993. *Al-Halal wa al-haram fi al-Islam*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qasimi, Muhammad Jamal al-Din. 1377H/1958. *Tafsir al-Qasimi al-musamma mahasin al-ta°wil*. Jld. 6. T.tp: Dar Ihya' al-Kutub al-°Arabiyyah.
- Al-Qurtubi, Abi °Abd Allah Muhammad ibn Ahmad. 1387H/1968. *Jami° al-ahkam al-Quran*. Jld. 10. Al-Qahirah: al-Maktabah al-°Arabiyyah.
- Al-Qurtubi, Abi °Abd Allah Muhammad ibn Ahmad. 1420H/2000. *Jami° al-ahkam al-Quran*. Jld. 4 & 9. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-°Arabi.
- Al-Sayuti, Ja°al al-Din °Abd al-Rahman. 1418H/1998. *Al-ashbah wa al-naza'ir fi qawa°id wa furu° al-Shafi°i*. Jld. 1. Al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Al-Sayuti, al-Sindi. 1420H/1999. *Sunan al-Nasa'i bi sharh al-imamayn al-Sayuti wa al-Sindi*. Jld. 4. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Al-Shanqiti, Muhammad al-Amin ibn Muhammad al-Mukhtar ibn °Abd al-Qadir. 1415H/1995. *Adhwa' al-bayan fi idhah al-Qur'an bi al-Qur'an*. Jld. 1. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad ibn al-Khatib. 1419H/1998. *Mughni al-muhtaj ma°rifah ma°ani al-faz al-minhaj*. Jld. 4. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Al-Shawkani, Muhammad ibn °Ali. 1413H/1991. *Fath al-Qadir al-jami° baina fanni al-riwayah wa al-dirayah min °ilm al-tafsir*. Jld. 1. Bayrut: Dar al-Khayr.
- Al-Turmidhi, Abu °Isa Muhammad ibn °Isa ibn Surah. 1419H/1999. *Al-Jami° al-sahih wahuwa sunan al-Turmidhi*. Jld. 4. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Al-°Uthimin, Muhammad ibn Soleh. T.th. *Al-Qawa°id al-fiqhiyyah*. Al-Iskandariyyah: Daral-Basirah.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail. 1414H/1993. *Tafsir al-Quran al-°azim*. Jld. 2. al-Qahirah: Daral-Hadith.
- Ibn Khatir. Abu al-Fida' Ismail. 1420/ 2000. *Tafsir al-Quran al-°azim*. Bayrut: Dar Ibn Hazm.

- Ibn Majah, Abi °Abd Allah Muhammad ibn Yazid. 1419H/1998. *Sunan Ibn Majah*. Jld. 3. Bayrut: Daral-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Ibn Rushd, Abi al-Walid Muhammad ibn Ahmad. 1994. *Mulhiq al-mudawwanah al-kubra li Imam Malik Ibn Anas*. Jld. 4. Bayrut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad ibn Taymiyyah. 1412H/1991. *Majmu° fatawa*. Jld. 19. Al-Riyadh: Dar °Alim al-Kutub.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad ibn Taymiyyah. 1421H/2001. *Majmu° fatawa*. Jld. 15. Al-Mansurah: Dar al-Wafa°
- Ibn al-Qudamah. °Abd Allah ibn Ahmad. 1416H/1996. *Al-Mughni*. Jld. 13. Al-Qahirah: Daral-Hadith.
- Muhammad Baltaji. 1425H/2004. *Manahij al-tashri° al-islamiyy fi al-qarn al-thani al-hijri*. Jld. 1. Al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Ruaain Mustari. 1994. *Kepentingan penjagaan makanan dan pemakanan serta implikasinya terhadap pembentukan sahsiah menurut perspektif Islam*. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sakr, Ahmad H. 2005. *Daging khinzir sebab-sebab penolakannya*. Terj. Semiah Said. Kuala Lumpur: Saba Islamic Media.